

Let's Break Siri 2: Healing@Ramadan CAWANGAN PSIKOLOGI PKPMP PUTRAJAYA

Putrajaya, 25 Mac 2025 – Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia PKPMP telah menganjurkan program *Let's Break Siri 2* dengan tajuk *Healing@Ramadan* yang berlangsung di Bilik AKRAB / Foodbank, Aras 1.

Program ini merupakan sesi santai yang memberi ruang kepada warga kerja untuk memahami konsep healing atau penyembuhan emosi secara asas, khususnya dalam konteks bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Dalam suasana yang tenang dan mesra, perkongsian ini mengetengahkan kepentingan kesedaran sendiri, pengurusan emosi dan sokongan sosial dalam proses pemulihan dalaman.

Melalui pendekatan yang ringan namun bermakna, program ini berjaya mewujudkan interaksi positif antara peserta dan penganjur, sejajar dengan matlamat Cawangan Psikologi dalam mempromosikan kesejahteraan mental dan emosi di tempat kerja.



Taklimat Psikologi untuk Pegawai Lantikan Baru

Putrajaya, 17 Mac 2025 Bahagian Pengurusan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia PKPMP telah mengadakan Taklimat Pegawai Lantikan Baru khusus buat pegawai lantikan baharu pada 17 Mac 2025.

Cawangan Psikologi telah dijemput untuk menyampaikan taklimat berkaitan perkhidmatan Psikologi. Taklimat ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pegawai berkenaan fungsi dan peranan Cawangan Psikologi khususnya dalam perkhidmatan yang diutamakan kepada warga PKPMP seperti intervensi psikologi, dan sokongan emosi, kursus-kursus dan lain-lain.

Selain itu, pegawai turut diberikan maklumat mengenai peranan AKRAB sebagai rakan pembimbing Perkhidmatan Awam dan Peranan sebagai AKRAB. Program ini diharapkan dapat mewujudkan kesedaran awal serta memupuk budaya sokongan psikososial dalam pegawai baharu.



PROGRAM FOOD BANK DI PKPMP: INISIATIF PRIHATIN SETIAP JUMAAT


Putrajaya, 21 Mac 2025 – Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) melalui kerjasama Cawangan Psikologi, Bahagian Pengurusan telah melaksanakan Program Food Bank yang berlangsung pada setiap hari Jumaat bertempat di Bilik AKRAB, Aras 1, Istana Kehakiman, Putrajaya.

Membantu meringankan beban kewangan warga PKPMP yang memerlukan dan tidak berkemampuan. Membantu warga PKPMP yang mempunyai masalah kewangan dan sering tidak cukup keperluan. Sebagai kaedah Pegawai Psikologi /AKRAB mendekati warga PKPMP dalam membantu mengenalpasti permasalahan mereka.

Pada Mac 2025, seramai 62 penerima telah menerima sumbangan, terdiri daripada 34 lelaki dan 28 perempuan.

Sumbangan adalah hasil ihsan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara, Yang Arif Hakim-Hakim serta Pegawai Kehakiman melalui Cawangan Psikologi, sebagai tanda solidariti dan sokongan kepada warga kehakiman yang memerlukan.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang telah menyumbang dan menjayakan program ini. Semoga amalan mulia ini dapat diteruskan demi manfaat bersama.



Program Bakul Ramadan AKRAB Mahkamah Negeri Perlis

Perlis, 7 Mac 2025 – Bersempena dengan kedatangan Bulan Ramadan, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Mahkamah Negeri Perlis tidak melepaskan peluang untuk melaksanakan aktiviti amal kebajikan menerusi Program Bakul Ramadan, dengan menyalurkan sumbangan kepada semua kakitangan Mahkamah Negeri Perlis.

Sumbangan ikhlas ini adalah hasil inisiatif YBhg. Dato' Nu'aman bin Mahmud Zuhudi, Pengarah Mahkamah Negeri Perlis.

Melalui penganjuran program seumpama ini, hubungan silaturahim antara AKRAB dan warga kerja Mahkamah Negeri Perlis dapat dieratkan lagi. Selain itu, Program Ladang Pahala ini juga diharapkan dapat sedikit sebanyak meringankan beban bagi mereka yang memerlukan dalam membuat persiapan menyambut Bulan Ramadan dan Aidilfitri yang bakal tiba.



PROGRAM BAKUL RAMADHAN ANJURAN BERSAMA AKRAB MAHKAMAH NEGERI SELANGOR DAN KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MAHKAMAH NEGERI SELANGOR

Selangor, 20 Mac 2025 – Dewan Seri Orked, Mahkamah Shah Alam, Selangor telah diadakan Ceramah Ramadhan 'Indahnya Al-Quran' dan Program Bakul Ramadhan anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan, Mahkamah Negeri Selangor dan AKRAB, Mahkamah Negeri Selangor. Penceramah jemputan ialah Sheikh Abdul Karim Omar Maaseng Al-Makki. Ceramah adalah dianjurkan bagi memberikan pengisian rohani kepada warga Mahkamah Negeri Selangor sempena Bulan Ramadhan. Bersempena dengan Program ini juga, Sumbangan Bakul Ramadhan diberikan kepada warga Kehakiman Mahkamah Negeri Selangor yang kurang berkemampuan diberikan perhatian serta bantuan dalam persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Seramai 16 orang penerima telah menerima sumbangan Bakul Ramadhan berupa barangan keperluan dan wang tunai.



INFAQ RAMADHAN AKRAB MAHKAMAH TERENGGANU

Terengganu, 26 Mac 2025 – Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Mahkamah Negeri Terengganu AKRAB telah berjaya menganjurkan Program Infaq Ramadan kepada semua pegawai dan kakitangan serta orang awam yang berurusan di Mahkamah Kuala Terengganu.

Sumbangan ikhlas ini adalah daripada YBhg. Tuan Mohd Azhar Bin Othman yang merupakan Pengarah Mahkamah Negeri Terengganu.

Program Infaq Ramadan 1446H telah berjaya dilaksanakan di Lobi Mahkamah Terengganu. Program ini bertujuan menggalakkan amalan bersedekah dan membantu golongan yang memerlukan, terutamanya menjelang Syawal.

